



Penguasaan *I'rab Marfu'at* Dalam Kalangan Pelajar Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

The mastery of *I'rab Marfu'at* among Arabic students at University Technology MARA (UiTM) Shah Alam

Siti Amni Muslihah Hasshim¹, Ibrahim Abdullah²

¹Master Candidate, Faculty Academy of Language Studies, University Technology MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
E-mail: 2022233318@student.uitm.edu.my

²(Corresponding Author) Senior Lecturer, Faculty Academy of Language Studies, University Technology MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
E-mail: ibrahim970@uitm.edu.my

Article Info

Article history:

Received: 24 March 2025

Accepted: 9 September 2025

Published: 31 October 2025

DOI:

<https://doi.org/10.33102/alazkiyaa141>

ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan *i'rāb marfū'at* dalam kalangan pelajar Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan menganalisis pencapaian mereka terhadap tujuh topik *i'rāb marfū'at*. Permasalahan kajian yang mendorong kajian ini dijalankan adalah disebabkan oleh kelemahan pelajar dalam *i'rāb* serta untuk penambah baikkan kajian berkaitan dengan tahap penguasaan pelajar terhadap *i'rāb*. Kajian ini merupakan sebuah kajian diskriptif berbentuk kuantitatif menggunakan ujian pencapaian sebagai instrumen kajian. Pengkaji memilih pelajar semester pertama Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Arab Komunikasi Profesional Akademi Pengajian Bahasa (LG242), dengan jumlah pelajar seramai 71 orang sebagai sampel kajian. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan SPSS Versi 27. Dapatan kajian berjaya membuktikan lebih ramai pelajar yang lulus berbanding gagal. Terdapat tiga (3) orang pelajar berjaya menguasai *i'rāb marfū'at* dengan cemerlang. 13 daripadanya pula berada dalam tahap penguasaan sangat baik. Manakala bagi tahap penguasaan baik adalah seramai 28 pelajar. Seterusnya, terdapat 26 pelajar berada di tahap penguasaan lemah dan dua (2) orang pelajar berada di tahap sangat lemah. Berdasarkan ujian tersebut, topik, yang paling mereka kuasai dalam *i'rāb marfū'at* adalah *ism kāna* dan paling kurang dikuasai adalah *tawābi'*.

Kata Kunci: penguasaan, *i'rāb marfū'at*, pelajar UiTM

ABSTRACT

This study aims to identify the level of mastery of *i'rāb marfū'at* among Arabic students at Universiti Technology MARA (UiTM) Shah Alam and analyze their achievements on the seven topics of *i'rāb marfū'at*. The problem of the study that prompted this study to be conducted is due to the weakness of students in *i'rāb* as well as for the improvement of the study related to the level of students' mastery of *i'rāb*. This study is a quantitative descriptive study using achievement tests as a research instrument. The researcher selected the students of the first semester of the Bachelor's Degree in Applied Language Studies (Honours) Arabic Professional Communication of the Academy of Language Studies (LG242), with a total of 71 students as the study sample. The data collected was analyzed using SPSS Version 27. The results of the study proved that more students passed than failed. There were three (3) students who successfully mastered *i'rāb marfū'at* with excellence. 13 of them are in a very good mastery level. While for the level of good mastery there are 28 students. Next, there are 26 students at a weak mastery level and two (2) students at a very weak level. Based on the test, the topic they mastered the most in *i'rāb marfū'at* was *ism kāna* and the least mastered was *tawābi'*.

Keywords: *mastery, i'rāb marfū'at, UiTM students*

PENGENALAN

Ilmu nahu yang merupakan salah satu cabang bahasa Arab memainkan peranan yang penting dalam pertuturan serta penulisan bahasa Arab dan perlu dititikberatkan oleh setiap individu yang ingin menguasai bahasa Arab dengan baik. Ilmu nahu adalah suatu ilmu yang membahaskan tentang tatabahasa bahasa Arab yang berfungsi untuk mengetahui perubahan baris pada huruf terakhir dalam suatu perkataan sehingga pembaca dapat mengetahui perubahan baris dari aspek *raf'*, *naṣb*, *jar*, *jazm* atau tidak ada perubahan sama sekali di akhirnya (Azlin dan Suhami, 2020). Menurut Wan Rohani et. al (2017), tujuan mempelajari nahu adalah untuk memperbetulkan lidah daripada berlaku sebarang kesalahan sama ada dalam percakapan mahupun pembacaan di samping membantu memperbetulkan penulisan. Dalam bidang pembelajaran nahu, terdapat banyak topik-topik yang mendasar untuk dipelajari, salah satunya adalah *i'rāb*. Menurut Al-Razi (1993), *i'rāb* adalah salah satu keistimewaan bahasa Arab yang tiada pada bahasa-bahasa lain (Radiah, 2015).

Pada zaman jahiliah dahulu, kepetahan seseorang berbahasa Arab telah menjadikan mereka dihormati dan disanjung. Menurut Mirwan (2020), orang Arab amat menjaga dan menitikberatkan bahasa mereka supaya tidak bercampur dengan bahasa asing. Terdapat beberapa puak Arab jahiliah yang petah berbahasa Arab sehinggakan bahasa percakapan mereka sama seperti *lughah aliyah* (Mirwan, 2020). *Lughah aliyah* merupakan bahasa yang digunakan dalam syair Arab (Mirwan, 2020). Namun setelah

kedatangan Islam, orang Arab mula bercampur dan berinteraksi dengan orang *a'jam* (orang asing) (Azhar, 2017). Percubaan orang *a'jam* untuk bertutur dalam bahasa Arab menyebabkan berlakunya kesalahan-kesalahan pada tatabahasa Arab itu sendiri sehinggakan Khalifah Umar bin Al-Khattab pernah menegur seseorang yang ingin membaca Al-Quran tetapi belum mempelajari ilmu untuk membaca Al-Quran (Mirwan, 2020). Hal ini kerana pada ketika itu Al-Quran masih belum dibariskan. Membaca Al-Quran tanpa mengetahui baris akan menyebabkan berlakunya kesilapan pada makna. Maka bermula daripada peristiwa tersebut, tanda baris mula diperkenalkan.

Merujuk kitab Abdulh Rajihi (1992), *i'rāb* merujuk kepada perubahan bentuk akhir perkataan yang disebabkan oleh pengaruh faktor-faktor tertentu seperti peranan perkataan itu sendiri dalam suatu ayat sebagai subek, atau pelengkap ayat, atau menerangkan keadaan dan lain-lain. Perubahan ini akan berlaku pada baris akhir perkataan tersebut seperti baris *ḍammah* (◌ِ), *kasrah* (◌ِ), *fathah* (◌َ), dan *sukūn* (◌ْ) (Abdulh Rajihi, 1992). Abdulh Rajihi (1992) telah menjelaskan pembahagian *i'rāb* ini terbahagi kepada empat (4) secara umumnya iaitu *marfū'*, *manṣūb*, *majrūr* dan *majzūm*. Dalam bahasa Arab, kata nama mempunyai tiga jenis *i'rāb* iaitu *marfū'*, *manṣūb* dan *majrūr* (Abdulh Rajihi, 1992). Manakala bagi kata kerja pula juga mempunyai tiga jenis *i'rāb* iaitu *marfū'*, *manṣūb* dan *majzūm* (Abdulh Rajihi, 1992). Dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kajian terhadap penguasaan *i'rāb marfū'at* bagi kata nama yang *mu'rab* dalam kalangan pelajar bahasa Arab di UiTM. *I'rāb marfū'at* merujuk kepada tujuh (7) topik nahu bahasa Arab yang hujungnya perlu dibariskan sama ada *dammah*, atau menambahkan *alif* dan *nūn* (أَ) atau *wāw nūn* (وَن). Antara tajuk-tajuk nahu yang melibatkan *i'rāb marfū'at* adalah *fā'il*, *nā'ib fā'il*, *mubtada'*, *khavar*, *ism kāna*, *khavar inna* dan *tawābi'*.

PEMBAHAGIAN KATA BAHASA ARAB

Mu'rab dan *mabnī* merupakan dua pembahagian utama dalam ilmu nahu bahasa Arab untuk menentukan baris akhir bagi suatu perkataan.

a) *Mu'rab*

Menurut Rappe (2016), *mu'rab* adalah sebuah istilah yang digunakan untuk semua perkataan yang boleh berubah baris akhirnya. Berdasarkan tiga jenis pengelasan kata bahasa Arab, hanya *ḥarf* sahaja yang tidak akan berubah baris akhir. Bagi *isim* dan *fi'il*, terdapat sebahagian daripadanya yang boleh berubah baris dan sebahagian lagi tidak boleh berubah baris. *Mu'rab* ini lebih banyak berlaku pada *isim* berbanding *fi'il* (Rappe, 2016). Contohnya :

Jadual 1.1 Contoh *mu'rab*

Hukm l'rāb	Contoh	Maksud
<i>Marfū'</i>	ممتاز الطالب	Pelajar itu berjaya
<i>Manṣūb</i>	الممتاز قابلت الطالب	Saya berjumpa pelajar yang berjaya
<i>Majrūr</i>	الناجح حضرت مع الطالب	Saya hadir bersama pelajar yang berjaya

Sumber: Rappe (2016)

Berdasarkan Jadual 1.1 di atas, perkataan-perkataan yang bergaris adalah contoh bagi perkataan *mu'rab* iaitu perkataan yang boleh berubah baris akhirnya apabila berada dalam kedudukan yang berbeza dalam suatu ayat. Sebagai contoh, perkataan الطالب dalam ayat pertama dibaca dengan baris hadapan disebabkan peranannya sebagai *mubtada'* dalam ayat tersebut. *Hukm* bagi *mubtada'* adalah *marfū'* dan perlu dibaca dengan baris hadapan apabila hadir dalam bentuk tunggal. Manakala dalam ayat kedua, الطالب dibaca dengan baris atas kerana kedudukannya sebagai *maf'ul bih* dalam ayat tersebut. *Hukm* bagi *maf'ul bih* adalah *manṣūb* dan perlu dibaca dengan baris atas apabila hadir dalam bentuk tunggal. Dan contoh ketiga adalah الطالب dibaca dengan baris bawah disebabkan peranannya sebagai *ism majrūr* dalam ayat tersebut. *Hukm* bagi *ism majrūr* adalah *majrūr* dan dibaca dengan baris bawah kerana hadir dalam bentuk tunggal.

b) *Mabni*

Mabni merupakan perkataan yang tidak boleh berubah baris akhirnya meskipun berada di mana-mana kedudukan sekalipun dalam ayat (Fuad Ni'mah, 1988). Sebagai contoh :

Jadual 1.2 Contoh *mabni*

Hukm l'rāb	Contoh	Maksud
<i>Marfū'</i>	المعلمون ممتازون هؤلاء	Ini guru-guru yang cemerlang
<i>Manṣūb</i>	المعلمين أحب هؤلاء	Saya menyayangi guru-guru ini
<i>Majrūr</i>	المعلمين نظرت إلى هؤلاء	Saya melihat ke arah guru-guru ini

Sumber: Rappe (2016)

Jadual 1.2 di atas menunjukkan contoh bagi perkataan *mabni*. *Mabni* adalah perkataan-perkataan yang tidak boleh berubah baris akhirnya meskipun berubah kedudukannya dalam suatu ayat. Contohnya, perkataan هؤلاء tidak berubah baris akhirnya meskipun berada dalam kedudukan berbeza dan *hukm* yang berbeza.

Menerusi kajian Sangkot Matua (2019), *i'rāb* didefinisikan sebagai suatu perubahan atau lambang bunyi (vokal atau harakat) pada akhir kata yang berlaku disebabkan oleh kedudukan dalam sebuah gabungan kata (frasa) atau dalam struktur ayat (Amzah, 1983). Selaras dengan itu, buku ilmu nahu terjemahan *Matan al-Jurūmiyyah* dan *Al-Imrithī* pula mendefinisikan *i'rāb* sebagai perubahan baris akhir perkataan kerana perbezaan '*āmil*' yang memasukinya sama ada secara lafaz (لفظا) ataupun secara perkiraan (تقديرًا) (Nasikhul, 2016). Penguasaan *i'rāb* yang mantap adalah apabila dapat menentukan *mawqī'*, *hukm* dan '*alāmah*' bagi suatu perkataan dengan tepat. Secara umumnya, *mawqī' i'rāb* bermaksud kedudukan perkataan dalam suatu ayat. Contohnya seperti *fā'il*, *maf'ūl muṭlaq*, *mubtada'*, *muḍāf ilayh* dan sebagainya. Manakala *hukm i'rāb* pula terbahagi kepada empat iaitu *raf'* (رفع), *naṣb* (نصب), *jar* (جر) dan *jazm* (جزم). '*Alāmah i'rāb*' pula merupakan tanda yang merujuk kepada *hukm i'rāb* bagi perkataan tersebut.

PERMASALAHAN KAJIAN

Nahu bahasa Arab memainkan peranan yang penting untuk menguasai kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Pelajar-pelajar yang ingin menguasai kemahiran bahasa Arab dengan baik perlulah menguasai kemahiran *i'rāb* yang bagus. Menurut Che Raziah (2009) dalam kajian Kamarulzaman (2015), sebahagian besar soalan ujian seperti peperiksaan *i'dadi*, Penilaian Menengah Rendah (PMR), *Thanawi*, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Malaysia (STPM), dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) kesemuanya memerlukan pelajar untuk mengarang jawapan dalam Bahasa Arab. Tanpa penguasaan *i'rāb* yang mantap, maka para pelajar tidak boleh menghasilkan sebuah penulisan yang terbaik. Permasalahan ini sering menjadi tanda tanya para guru dan pensyarah kerana pelajar telah didedahkan dengan nahu dan bahasa Arab sejak sekolah menengah agama. Jadi seharusnya mereka menjadi semakin mahir dalam bidang nahu khususnya dalam *i'rāb*.

Menurut Hosnee (2018), ketika beliau mengajar ilmu nahu bagi pelajar Institusi Pelajaran Tinggi (IPT) dan dewasa, beliau mendapati terdapat dua masalah yang menyebabkan pelajarinya tidak dapat menguasai nahu bahasa Arab dengan baik. Pertamanya adalah disebabkan oleh kecelaruan kaedah manakala punca keduanya adalah disebabkan oleh kemahiran asas tidak kukuh. Permasalahan ini juga didapati dalam kalangan pelajar bahasa Arab UiTM ketika mereka diminta untuk membaca teks bahasa Arab, membuat perbentangan mahupun ketika dalam penulisan tugasan, masih berlaku kesilapan menyebut dan menulis baris akhir perkataan. Ini berpunca daripada penguasaan *i'rāb* yang lemah. Bertitik tolak daripada itu, pengkaji merasakan kajian ini adalah sebuah keperluan bagi mengetahui punca sebenar kelemahan pelajar bahasa Arab UiTM dalam nahu bahasa Arab khususnya dalam *i'rāb*, sama ada dari aspek kelemahan penguasaan *mawqī' irab*, *hukm i'rāb* ataupun '*alāmah i'rāb*'.

Seterusnya, kajian berkaitan dengan *i'rāb* bukanlah sesuatu perkara yang baru kerana terdapat banyak kajian yang menfokuskan bidang *i'rāb* ini. Kajian-kajian seperti ini telah melibatkan pengkaji dari dalam serta luar negara seperti kajian daripada Ali Asrun (2013), Andi Mulyani (2019), Wan Rohani (2020) dan Adi Supardi (2021). Sebagai contoh, Hazuar (2019) telah membuat kajian berkaitan dengan konsep *i'rāb* dalam pandangan Ibrahim Musthafa dan Ibrahim Anis. Selain itu, terdapat juga kajian berkaitan dengan konsep *i'rāb* dalam ilmu nahu oleh Toni Praniska (2015) di mana pengkaji telah mencuba untuk reformulasi konsep *i'rāb* dalam nahu Bahasa Arab. Di samping itu, Awatif et. al (2020) telah menjalankan satu kajian berhubung dengan tahap penguasaan ilmu nahu dalam kalangan guru Bahasa Arab. Menerusi kajian ini, mereka telah mengkaji tahap penguasaan guru dari segi pembahagian perkataan, *ism marfū'*, *ism majrūr*, *ḥukm fi'l muḍāri'* dan *ism manṣūb*.

Sehubungan dengan itu, terdapat juga beberapa kajian berkaitan dengan *i'rāb* yang mengkhususkan *ḥukm* tertentu seperti *manṣūbat* dan *majrūrat*. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh Radiah (2015) berkaitan dengan penguasaan *i'rāb manṣūbat* dalam kalangan pelajar STAM melalui strategi kognitif. Sementara itu, Sangkot Matua (2019) pula telah melakukan analisis *i'rāb majrūr* pada Al-Quran Juz 30 untuk mengetahui berapa jumlah *i'rāb majrūr*, faktor-faktor, dan tanda-tandanya yang terdapat dalam juz 30. Walau bagaimanapun, terdapat kelompondan kajian berkaitan dengan penguasaan pelajar dalam *i'rāb* khususnya kajian *i'rāb marfū'at* dalam kalangan pelajar bahasa Arab di UiTM. Oleh yang demikian, kajian ini merupakan satu keperluan untuk dijadikan rujukan kepada pengkaji pada masa akan datang.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti tahap penguasaan *i'rāb marfū'at* dalam kalangan pelajar bahasa Arab UiTM
2. Menganalisis pencapaian pelajar bahasa Arab UiTM terhadap 7 topik *i'rāb marfū'at*

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk deskriptif yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap penguasaan *i'rāb marfū'at* dalam kalangan pelajar semester 1 Bahasa Arab UiTM dan menganalisis pencapaian mereka dalam topik *i'rāb marfū'at*. Menurut Nana Syaodih Sukmadinata (2011) dalam kajian AP Wicaksono (2019), kajian berbentuk deskriptif ini hanya menghuraikan semua data yang diperoleh berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan. Kerlinger (1986) dalam kajian M Ismail (2013), mengatakan bahawa rekabentuk deskriptif ini mempunyai dua matlamat utama iaitu mendapatkan jawapan daripada soalan-soalan yang telah dikemukakan dan berfungsi sebagai pengawal pembolehubah. Menerusi kajian ini, pengkaji akan menggunakan pendekatan secara kuantitatif untuk menjalankan kajian. Populasi kajian ini

merangkumi 71 orang pelajar semester 1 daripada program Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Arab Komunikasi Profesional UiTM Shah Alam. Menerusi kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan yang akan melibatkan seramai 71 orang pelajar.

Pengkaji akan menggunakan soalan ujian sebagai instrumen kajian. Soalan ujian ini digunakan untuk mengenalpasti tahap penguasaan *i'rāb marfū'at* dalam kalangan pelajar Bahasa Arab UiTM serta menganalisis pencapaian mereka dalam topik *i'rāb marfū'at*. Soalan ujian ini akan diedarkan kepada sampel iaitu seramai 71 orang pelajar semester 1 daripada program Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Arab Komunikasi Profesional UiTM Shah Alam. Pengkaji akan menggunakan platform Google Form untuk menjalankan ujian ini. Terdapat dua (2) pembahagian dalam ujian ini iaitu:

- i) Bahagian A : Maklumat pelajar
- ii) Bahagian B : 35 soalan objektif

Berikut adalah pecahan dan aras soalan bagi soalan objektif sebanyak 35 item :

Tajuk	Mudah	Sederhana	Susah	Jumlah Soalan
<i>Mubtada'</i>	2	2	1	5
<i>Khabar</i>	2	2	1	5
<i>Fā'il</i>	2	2	1	5
<i>Nā'ib fā'il</i>	2	2	1	5
<i>Ism kāna</i>	2	2	1	5
<i>Khobar inna</i>	2	2	1	5
<i>Tawābi'</i>	2	2	1	5
Jumlah soalan				35

Jadual 1.3 Pecahan dan aras soalan

Berdasarkan jadual 1.3 di atas, ujian pencapaian ini mengandungi 35 soalan yang merangkumi tujuh (7) topik utama nahu bahasa Arab. Antaranya adalah *mubtada'*, *khabar*, *faā'il*, *nā'ib fā'il*, *ism kāna*, *khobar inna* dan *tawābi'*. Pengkaji telah menyusun item soalan tersebut berdasarkan aras soalan. Bagi setiap tajuk, terdapat dua (2) soalan aras mudah, dua (2) soalan aras sederhana dan satu (1) soalan aras susah. Kesemua aras bagi setiap item soalan ini telah disemak terlebih dahulu oleh ketua panitia bagi subjek nahu dari fakulti bahasa Arab, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam.

Dari segi pemarkahan pula, satu soalan bersamaan dengan dua (2) markah. Berikut adalah pengiraan markah mengikut peratus:

$$35 \text{ (soalan)} \times 2 \text{ (markah bagi setiap satu (1) soalan)} = 70$$

$$70/70 \times 100 = 100\%$$

Manakala untuk penentuan keputusan ujian, pengkaji akan menggunakan gred daripada UiTM iaitu:

Jadual 1.4 Skala pemarkahan UiTM

MARKAH	GRED	NILAI GRED	STATUS
90 – 100	A+	4.00	LULUS
80 – 89	A	4.00	LULUS
75 – 79	A-	3.67	LULUS
70 – 74	B+	3.33	LULUS
65 – 69	B	3.00	LULUS
60 – 64	B-	2.67	LULUS
55 – 59	C+	2.33	LULUS
50 – 54	C	2.00	LULUS
47 – 49	C-	1.67	GAGAL
44 – 46	D+	1.33	GAGAL
40 – 43	D	1.00	GAGAL
30 – 39	E	0.67	GAGAL
0 – 29	F	0	GAGAL

Sumber: Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik UiTM

Merujuk jadual 1.4 di atas, pelajar yang memperoleh markah bermula dari 50% hingga 100% dikategorikan sebagai lulus bagi subjek tersebut. Namun bagi pelajar yang telah menerima markah 47% dan ke bawah adalah berstatus gagal dan perlu mengulang semula subjek tersebut.

Bagi menentukan tahap penguasaan pelajar, pengkaji merujuk jadual penguasaan daripada Kamarudin dan Siti Hajar (1997).

Jadual 1.5 Tahap penguasaan pelajar

Markah (%)	Tahap penguasaan
85-100	Cemerlang
70-84	Sangat baik
56-69	Baik
31-55	Lemah
0-30	Sangat lemah

Sumber: Kamarudin dan Siti Hajar (1997)

Jadual 1.5 di atas menunjukkan tahap penguasaan pelajar. Pelajar yang menerima markah 85% hingga 100% memiliki penguasaan yang cemerlang. Manakala pelajar yang memperoleh markah 70% hingga 84% pula berada di tahap penguasaan yang sangat baik. Bagi pelajar yang mendapat markah 56% hingga 69%, penguasaan mereka terhadap suatu subjek itu adalah di tahap baik. Sementara pelajar yang memperoleh markah 31% hingga 55% pula menggambarkan bahawa mereka lemah terhadap subjek tersebut dan pelajar yang menerima markah 0% hingga 30% pula dikenali sebagai penguasaan yang sangat lemah.

Pengumpulan data bagi kajian ini dimulakan dengan kebenaran bertulis dan persetujuan daripada sampel kajian untuk menjawab soalan ujian ini. Seiring dengan itu, pengkaji juga akan menjelaskan objektif dan keperluan kajian ini dijalankan. Setelah menerima persetujuan, pengkaji sendiri yang akan mengedarkan soalan ujian dalam bentuk link *Google Form* di *group Whatsapp* yang ditubuhkan. Ujian ini dijalankan selama 35 minit sahaja.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Pengkaji telah menjalankan ujian terhadap sampel kajian yang terdiri daripada pelajar semester satu program Bahasa Arab Komunikasi Profesional di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Sampel kajian diberi masa 35 minit untuk menjawab ujian tersebut. Pelajar semester pertama program bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara terdiri daripada tiga kumpulan. Jadual 1.6 di bawah menunjukkan bilangan pelajar dalam setiap kumpulan.

Jadual 1.6 Jumlah pelajar semester 1 LG242

KELAS	JUMLAH PELAJAR
LG2421A	24
LG2421B	24
LG2421C	23
Jumlah Pelajar	71 orang


Sumber: Output SPSS 27

Berdasarkan Jadual 1.6 di atas, pelajar LG242 semester 1 dibahagikan kepada tiga (3) kelas iaitu kelas A, kelas B, dan kelas C. Kelas A dan B kedua-duanya mempunyai jumlah bilangan pelajar yang sama iaitu sebanyak 24 orang. Manakala dalam kelas C, terdapat seramai 23 orang pelajar sahaja.

Objektif 1: Tahap penguasaan *i'rāb marfū'at* dalam kalangan pelajar bahasa Arab UiTM


Sebelum pengkaji menganalisis keputusan pelajar dengan lebih mendalam, pengkaji menunjukkan jumlah pelajar yang lulus dan gagal berdasarkan ujian yang dijalankan.

Graf bar 1.1 Jumlah pelajar lulus dan gagal




Berdasarkan graf bar 1.1, seramai 52 orang pelajar semester 1 Bahasa Arab Komunikasi Profesional (LG242) UiTM telah lulus dengan cemerlang berdasarkan skala pemarkahan UiTM. Manakala 19 orang daripadanya gagal mendapatkan keputusan cemerlang. Seterusnya, berikut adalah keputusan pelajar berdasarkan gred UiTM.

Graf bar 1.2 Keputusan pelajar berdasarkan gred UiTM



Graf bar 1.2 di atas menunjukkan keputusan pelajar semester 1 LG242 berdasarkan gred UiTM. Terdapat dua (2) orang pelajar telah berjaya memperoleh gred A+ manakala lapan (8) orang pelajar pula mendapat gred A. Bagi gred A- dan B+, jumlah pelajar yang memperoleh kedua-dua gred ini adalah sama iaitu seramai tiga (3) orang. Manakala bagi gred B, seramai 11 orang pelajar telah berjaya memperolehinya dan terdapat sembilan (9) orang pelajar mendapat gred B-. Seiring dengan itu, bagi gred C+ dan C pula, kedua-duanya juga memiliki jumlah yang sama dengan gred A iaitu seramai lapan (8) orang. Gred C- pula diperolehi empat (4) orang pelajar. Bagi gred D+, terdapat dua (2) orang pelajar yang telah mendapat gred ini dan lima (5) orang pelajar mendapat gred D. Enam (6) orang daripada pelajar semester 1 telah mendapat gred E dan dua (2) orang daripada mereka pula telah mendapat gred F.

Berikutnya, daripada keputusan yang telah diperolehi, pengkaji melihat nilai tersebut dengan merujuk penguasaan Qamaruddin Hussein dan Siti Hajar (1997) untuk mengetahui sejauh mana tahap penguasaan mereka.




Merujuk graf bar 1.3 di atas, tahap penguasaan tersebut telah dinilai berdasarkan tahap penguasaan yang telah dikemukakan oleh Kamarudin Hussein dan Siti Hajar (1997). Berdasarkan ujian pencapaian yang telah dijalankan, seramai tiga (3) orang pelajar berjaya menguasai *i'rāb marfū'at* dengan cemerlang. Seterusnya bagi penguasaan di tahap baik, seramai 13 orang pelajar telah berjaya mencapainya. Kebanyakan pelajar semester 1 berada di tahap sederhana dalam menguasai *i'rāb marfū'at* iaitu dengan jumlah 28 orang. Di samping itu, terdapat 26 orang pelajar yang berada dalam tahap penguasaan lemah dan dua (2) orang pelajar berada dalam tahap sangat lemah.

Objektif 2: Menganalisis pencapaian pelajar Bahasa Arab UiTM terhadap 7 topik *i'rāb marfū'at*

Setelah mengenalpasti keputusan serta tahap penguasaan mereka, pengkaji telah melihat penguasaan pelajar bagi setiap topik *i'rāb marfū'at* untuk mengetahui sejauh mana mereka menguasai topik-topik tersebut.

Graf bar 1.4 Peratus pelajar yang menguasai tujuh (7) topik *i'rāb marfū'at*




Graf bar 1.4 di atas menunjukkan peratus jumlah pelajar yang menguasai setiap topik *i'rāb marfū'at*. Topik *ism kāna* adalah topik yang ramai pelajar kuasai iaitu seramai 52 orang pelajar dengan peratusan sebanyak 73% pelajar telah berjaya menjawab kesemua soalan berkaitan *ism kāna* dengan betul. Manakala baki daripada jumlah tersebut tidak berjaya memilih jawapan dengan betul. Topik kedua yang paling dikuasai oleh pelajar adalah *mubtada'* dengan jumlah peratusan sebanyak 70% bersamaan dengan 50 orang pelajar yang menjawabnya dengan betul. Bagi topik *khabar*, 49 orang pelajar, iaitu bersamaan dengan 69% daripada keseluruhan pelajar telah berjaya memilih jawapan dengan betul.

Manakala topik *khabar inna* pula hanya 43 orang pelajar sahaja yang berjaya menjawab dengan betul dengan peratusan sebanyak 61% daripada keseluruhan pelajar. *Nā'ib fā'il* tergolong dalam tiga (3) topik yang kurang dikuasai oleh pelajar dengan jumlah peratusan 57% yang melibatkan 40 orang pelajar telah menjawab soalan berkaitan dengan betul. Seterusnya, topik *fā'il* dengan jumlah peratus adalah 52%, iaitu bersamaan dengan 37 orang pelajar sahaja yang berjaya memilih jawapan dengan tepat. Topik *tawābi'* menjadi suatu topik yang paling rendah peratus penguasaannya iaitu sekadar 40% bersamaan dengan 40 orang pelajar sahaja yang

telah berjaya memilih jawapann yang betul. Namun dalam topik *tawābi'*, terdapat empat (4) pembahagian sub-topik kecil yang perlu dikuasai oleh pelajar iaitu:

Graf bar 1.5 Peratus pelajar yang menguasai *tawābi'*



Tawābi' ini terbahagi kepada empat (4) sub-topik kecil iaitu *tawkīd*, *badal*, *'atf* dan *na't*. Berhubung dengan Graf bar 1.5 di atas, *badal* adalah sub-topik yang paling dikuasai oleh pelajar semester 1 iaitu dengan peratus 42% orang pelajar yang berjaya menjawabnya dengan betul. Manakala bagi *'atf* dan *na't*, kedua-duanya berkongsi peratusan yang sama iaitu sebanyak 39% pelajar yang telah berjaya menguasainya. Di samping itu, topik yang paling kurang dikuasai oleh pelajar semester 1 dalam *tawābi'* ini adalah *tawkīd* dengan jumlah hanya 37% pelajar yang berjaya menguasainya dengan memilih jawapan yang tepat.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan di atas, seramai 52 orang pelajar bahasa Arab di UiTM telah berjaya lulus dengan cemerlang manakala baki 19 orang daripada mereka telah memperoleh keputusan sebaliknya. Daripada keputusan tersebut, seramai tiga (3) orang pelajar telah berjaya menguasai *i'rāb marfū'at* dengan cemerlang. Manakala 13 orang pelajar pula telah menunjukkan tahap penguasaan yang baik. Seterusnya, seramai 28 orang pelajar bahasa Arab berada di tahap sederhana dalam menguasai *i'rāb marfū'at*. Baki 26 orang pelajar telah berada dalam tahap penguasaan lemah dan dua (2) orang pelajar berada dalam tahap sangat lemah.

Daripada dapatan ini, dapat menunjukkan objektif pertama telah berjaya dicapai iaitu untuk menganalisis tahap penguasaan *i'rāb marfū'at* dalam kalangan pelajar bahasa Arab UiTM. Objektif kedua pula adalah untuk menganalisis pencapaian pelajar bahasa

Arab UiTM terhadap 7 topik *i'rāb marfū'at*. Merujuk hasil dapatan ujian pencapaian pelajar, antara topik nahu yang paling dikuasai oleh pelajar adalah ism kāna dengan 73% daripada pelajar telah berjaya menjawab kesemua soalan berkaitan ism kāna dengan betul. Manakala antara topik nahu yang kurang dikuasai oleh mereka adalah *tawābi'* dengan jumlah peratusannya adalah 40% sahaja pelajar yang menjawabnya dengan betul.

Di akhir kajian ini, pengkaji mencadangkan supaya pengkaji akan datang dapat menjalankan kajian penguasaan ini untuk semua pelajar program Bahasa Arab Komunikasi Profesional di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, bagi membolehkan pensyarah mengenal pasti tahap penguasaan tatabahasa pelajar sekaligus dapat membantu pelajar meningkatkan penguasaan mereka terhadap *i'rāb* khususnya. Selain itu, pengkaji juga mengesyorkan untuk pengkaji akan datang meluaskan skop kajian kepada semua topik *i'rāb* sama ada *i'rāb fi'liyyah* atau *ismiyyah*. Di samping itu, kajian akan datang sebaiknya tidak memfokuskan kepada *i'rāb zāhir* sahaja. Hal ini kerana pengkaji melihat adanya keperluan untuk mengadakan ujian terhadap *i'rāb* yang berbentuk *muqoddar* (tersembunyi) mahupun *i'rāb* perkataan yang mabni. Dengan ujian *i'rāb* begini dapat membuktikan lagi penguasaan sebenar pelajar bahasa Arab terhadap *i'rāb*.

Kesimpulannya, kajian ini memainkan peranan yang penting khususnya bagi pensyarah bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam kerana mereka dapat mengetahui tahap penguasaan pelajar mereka terhadap *i'rāb marfū'at*. Dalam masa yang sama, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pelajar bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara untuk mengetahui tahap penguasaan mereka dalam topik *i'rāb marfū'at*, dan berpeluang untuk memperbaiki kelemahan mereka dalam *i'rāb* khususnya *i'rāb marfū'at*. Akhir kata, pengkaji berharap agar kajian ini dapat menjadi sumber rujukan kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang berminat untuk mengkaji penguasaan pelajar sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti.

RUJUKAN

Abduh A. Rajihi. (1992). *At-Tatbiq Nahu Wa As-Sorfiy*.

Adi Supardi. (2021). Nilai-Nilai Karakter Pengguna Bahasa Arab Perspektif I'rāb Nahwu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Arab & Kebahasaaraban*, 2

Ali Asrun. (2013). Isim-isim Yang Dijarkan Dan Sebab-sebabnya. *Jurnal Bahasa Lingua Scientia*, 5(1). <https://doi.org/10.21274/ls.v5i1.2041>

- Andi Mulyani. (2019). Pengaruh Penguasaan Kalimat Elektif Dan Motivasi Menulis Dengan Keterampilan Menulis Surat Pada Siswa.
https://digilibadmin.unismuh.ac.id/upload/13253-Full_Text.pdf
- AP Wicaksono. (2019). Bab III Metode Penelitian.
<https://dspace.uui.ac.id/bitstream/handle/123456789/17205/05.3%20bab%203.pdf?sequence=8&isAllowed=y>
- Awatif Abdul Rahman, Muhammad Hashimee, Mohd Shafie Zulkifli, Ainon Wazir, Muafah Sayed, & Naqibah Mansor. (2020). Tahap Penguasaan Ilmu Nahu Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab. *Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 2(2).
<https://doi.org/10.53840/ejbl.v2i2.53>
- Azhar. M. (2017). Beberapa Aspek Keunikan Dan Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran.
https://www.researchgate.net/publication/279436990_Beberapa_Aspek_Keunik_an_Dan_Keistimewaan_Bahasa_Arab_Sebagai_Bahasa_Al-Quran
- Azlin, & Suhaimi. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Malaysia (MJSS)*, 5(3). <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.370>
- Fairuz, M., Dr Mohd, S., & Prof Madya Dr Haji Mohammad. (2023). Modul Cerita Nahu (Mcn) Bahasa Arab: Kajian Keberkesanan Kaedah I'rāb Mudah, 5 Soalan Scan. *JALL | Journal of Arabic Linguistics and Literature*.
<https://unissa.edu.bn/journal/index.php/jall/article/view/365/375>
- Hosnee. (2018). Ilmu Nahu. <https://cintanahu.wordpress.com/tag/ilmu-nahu/>
- Ilham. (2020). Definisi I'rāb dan Sejarah Kemunculan I'rāb.
<https://www.scribd.com/document/501909226/Definisi-I>
- Kamarudin, H. H., & Siti Hajar, H. A. (1997). Penguasaan kemahiran menulis.
- Kamarulzaman, A. G. (2015). Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Di Negeri Perak. *Jurnal Pendidikan Islam Dalam Talian*, 2.
https://www.researchgate.net/publication/312910459_Penggunaan_Strategi_Pembelajaran_Nahu_Bahasa_Arab_Dalam_Kalangan_Pelajar_Sekolah_Menengah_Agama_Di_Negeri_Perak

- M Ismail. (2013). Metodologi Penyelidikan.
<http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/7081/1/Metodologi%20Penyelidikan%20EAP307225.pdf>
- Mawaddah. (2018). Analisis Isim-isim Majrūr Dalam Surah Al- Isra'.
<http://repositori.usu.ac.id/handle/123456789/11048>
- Mirwan Ahmad Taufiq. (2020). Konsep I'rāb.
<https://www.scribd.com/document/491865802/KONSEP-I-RAB-LULU-FJ-E>
- Najwa, & Maman. (2023). I'rāb dan Tafsir Al-Qur'an: Fase Penciptaan Manusia dalam Perspektif QS. Al-Mu'minun Ayat 12-14. Jogoroto.org.
<https://www.jogoroto.org/index.php/hq/article/view/55/41>
- Napis Dj. (2019). Linguistik dengan I'rāb Al-Qur'an dan Posisi Bahasa Arab Memahami Al-Qur'an. *Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman dan Kemasyarakatan*, 1(1).
<https://doi.org/10.46870/jstain.v1i1.6>
- Nasikhul. (2016). Pengertian I'rāb dalam Ilmu Nahwu.
<https://dosenmuslim.com/bahasa-arab/pengertian-irab/>
- Radiah. (2015). Penguasaan I'rāb Bagi Manṣūbat Dalam Kalangan Pelajar STAM Melalui Strategi Kognitif.
<http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/57462/1/FBMK%202015%2027RR.pdf>
- Rappe. (2016). Konsep Al-Mu'rab Wa Al-Mabni Dalam Bahasa Arab. *Jurnal Shaut Al-Arabiyyah*, 4(2). <https://doi.org/10.24252/saa.v4i2.1226>
- Richard. (2018, Januari 15). Definisi dan Contoh Komunikasi Profesional.
<https://ms.eferrit.com/definisi-dan-contoh-komunikasi-profesional/>
- Wan Rohani Wan Mokhtar, Mohd Zaki Abd. Rahman, Mohamad Azrien Mohamed Adnan, & Nor Hazrul Mohd Salleh. (2017). Penguasaan Tatabahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Asasi Universiti Awam Malaysia. *Jurnal Al-Basirah*, 7(2), 23–41.
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/10925>